

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan fokus dan projek utama Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eco 2015 (IGEM 2015) yang diadakan antara 9 - 12 September 2015 dengan matlamat utama menjadikan Malaysia sebagai Hub Teknologi Hijau.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2015* dengan tema '*Powering the Green Economy*' telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dari 9 hingga 12 September 2015. IGEM merupakan anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan kerjasama *Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)* sebagai Penganjur Bersama serta *Malaysian Exhibition Services (MES)* sebagai Rakan Strategik.

2. IGEM 2015 dianjurkan bertujuan untuk menarik minat para pelabur baik dari dalam mahupun luar negara untuk melabur dalam industri teknologi hijau, memasarkan produk-produk hijau, meningkatkan pengetahuan para pengunjung mengenai teknologi hijau dan isu-isu semasa seperti Tenaga Boleh Baharu melalui forum dan persidangan yang diadakan sempena IGEM 2015. Dalam hal ini, Fokus utama IGEM 2015 diberikan kepada 5 sektor iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, teknologi dan pengurusan sisa pepejal serta

teknologi dan pengurusan air bersih. IGEM 2015 telah dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti kementerian dan agensi Kerajaan, penggubal dasar, pihak industri, pemilik perniagaan, pelabur dan pembiaya kewangan, ahli profesional, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan dewan perniagaan, ahli akademik dan penyelidik, pelajar, pengguna dan orang awam.

3. IGEM 2015 terbahagi kepada dua komponen utama iaitu Pameran dan Persidangan serta beberapa acara/aktiviti lain seperti *International Business Matching Session* oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), *Business Consultation* oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), bengkel/seminar, *Green Talks*, *Schools and Universities Visit* serta pelbagai program lain yang turut berlangsung sepanjang IGEM 2015.

4. Penyertaan pempamer-pempamer antarabangsa daripada negara Jepun, Korea, Kesatuan Eropah, Sepanyol dan Singapura telah menyerlahkan IGEM 2015 di peringkat sejagat. Pempamer-pempamer ini telah melaburkan dana untuk menyertai IGEM bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab untuk menjual atau memperkenalkan produk dan perkhidmatan teknologi hijau mereka di rantau ini. Di

samping itu, penampilan *Malaysian States Pavilion* dalam IGEM 2015 yang disertai oleh 11 buah negeri telah menyediakan peluang untuk mempromosi bidang teknologi hijau di negeri-negeri serta menggalakkan penglibatan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam pembangunan berasaskan teknologi hijau.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Pameran IGEM 2015 telah melibatkan penyertaan sebanyak 450 *booths* pameran daripada 350 syarikat/organisasi yang terdiri daripada 219 syarikat/organisasi tempatan dan sebanyak 131 syarikat/organisasi asing daripada 25 buah negara.

6. Aktiviti *business to business* (B2B) yang dikelolakan oleh MATRADE memberi tumpuan kepada sesi padanan perniagaan di antara pembeli dari luar negara dengan syarikat-syarikat tempatan untuk usahasama perniagaan di dalam industri teknologi hijau. Sesi ini telah disertai oleh sebanyak 32 syarikat dari 8 buah negara iaitu Afrika Selatan, China, Filipina, Jepun, Korea, Mauritius, Myanmar serta Poland. Anggaran nilai transaksi dan potensi perniagaan adalah sebanyak RM65.3 juta.

7. Sebagai agensi yang bertanggungjawab kepada pembangunan industri di Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pula telah mengendalikan sesi *Business Consultation* untuk menarik pelaburan dalam sektor industri hijau di Malaysia. Sebanyak RM1.26 bilion transaksi dan potensi perniagaan telah direkodkan dengan sektor pembuatan menyumbang sebanyak RM694.2 juta, sektor perkhidmatan sebanyak RM566.5 juta serta lain-lain sektor sebanyak RM200 ribu.

8. Sesi *One to One Bizmatch Programme* di antara pempamer-pempamer telah menjana transaksi dan potensi perniagaan dengan nilai RM 461 juta. Manakala RM194 juta dijana melalui pemeeteraian perjanjian persefahaman (MOU) dalam pelbagai bidang teknologi hijau. Pada keseluruhannya, IGEM 2015 telah berjaya meraih transaksi dan potensi perniagaan sebanyak RM1.98 bilion.

9. Pihak Kementerian terus komited untuk membangunkan serta mewujudkan lebih banyak peluang dan potensi perniagaan dalam industri berasaskan teknologi hijau yang dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi hijau dan pembangunan mampan selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi hijau di

rantau Asia Tenggara dan menyokong inisiatif pertumbuhan hijau  
(*green growth*) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sekian terima kasih.

\*\*\*\*\*